

Pandangan dari atas Bandar Raya Alor Setar yang dilanda jerebu pada jam 4 petang, semalam. (Foto BERNAMA)



Jerebu merebak ke utara tanah air

Semua sekolah di tiga negeri ditutup dua hari bermula hari ini

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Mohd Roji Kawi, Mohd Iskandar Ibrahim, Petah Wazzan Iskandar, Siti Azila Alias, Muhammad Yusri Muzamir, Nur Izzati Mohamad, Norzamira Che Noh dan Balqis Jazimah Zahari bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jerebu yang melanda negara sejak dua minggu lalu merebak ke utara tanah air dan turut menyebabkan semua sekolah di tiga negeri ditutup dua hari bermula hari ini.

Arahan penutupan turut membatalkan sekolah di daerah tertentu di Perak dan Negeri Sembilan berikutan bencana semakin buruk yang turut menjejaskan operasi beberapa lapangan terbang serta penangguhan, pembatalan atau penyusunan semula pelbagai acara dan sambutan.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik semalam mengumumkan semua sekolah dan tadika di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Selangor dan Pulau Pinang ditutup hari ini dan Jumaat, manakala penutupan institusi pengajian tinggi (IPT) pula tertakluk kepada pentadbiran masing-masing.

"Sepanjang penutupan sekolah, guru mempunyai hak bekerja dari rumah. Pengetua dan guru besar boleh umum penutupan sekolah sekiranya pada pandangan mereka, jerebu di kawasan sekolah masing-masing semakin teruk berdasarkan bacaan Indeks

Pencemaran Udara (IPU).

"Keputusan harus diberitahu kepada Pejabat Pendidikan daerah dan Jabatan Pendidikan negeri. Murid yang sudah berada di sekolah yang diumumkan tutup boleh terus berada di sekolah, belajar seperti biasa kecuali jika waris mahu membawa mereka pulang," katanya.

Bercakap pada sidang media majlis ramah mesra Pasukan Malaysia Warrior dan Malaysia Tiger di pejabatnya di Putrajaya semalam, Maszlee berkata, semua sekolah yang perlu ditutup tidak perlu menggantikan hari persekolahan kerana ia dikategorikan sebagai cuti bencana.

Di Shah Alam, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan dan Bencana Selangor, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahyia, berkata semua sekolah awam dan swasta di negeri itu diarah tutup susulan IPU menunjukkan bacaan tidak sihat dan sangat tidak sihat sejak kelmarin.

Di Georgetown, semua 398 sekolah menempatkan 239,839 murid di seluruh Pulau Pinang ditutup hari ini dan esok, Perak pula membatalkan penutupan 147 sekolah di Daerah Larut Matang dan Selama dengan jumlah murid 48,006 orang, manakala di Negeri Sembilan membatalkan 53 sekolah dengan 28,073 murid di Nilai, Mantin serta Labu.

Setakat tengah hari semalam, sebanyak 1,484 sekolah membatalkan lebih sejuta murid di tujuh negeri ditutup, iaitu 538 sekolah dengan 584,595 murid di Selangor; 337 sekolah dengan 138,384 murid di Sarawak, 303 sekolah dengan 85,967 murid di Perak dan 162 sekolah dengan 90,233 murid di Pulau Pinang.

Mengikut maklumat Kementerian Pendidikan, penutupan se-

takat tengah hari semalam turut membatalkan 53 sekolah membatalkan 28,073 murid di Negeri Sembilan, 48,527 murid di 66 sekolah sekitar Kuala Lumpur dan 25 sekolah membatalkan 48,527 murid di Putrajaya.

Kementerian itu turut menasihatkan IPT menangguhkan kuliah jika jerebu mencapai tahap memudaratkan kesihatan pelajar, pensyarah serta warganya.


Semalam, sesi kuliah dan aktiviti di luar di kampus induk Universiti Sains Malaysia (USM) di Georgetown. Sesi kuliah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Kampus Nilai juga ditangguhkan bermula semalam sehingga hari ini.

Sementara itu, tinjauan BH di sekitar Georgetown semalam mendapati jerebu semakin teruk dengan jarak penglihatan terhad termasuk di Jambatan Pulau Pinang apabila kebanyakan bangunan di pulau yang boleh dilihat dari Seberang Perai, tidak kelihatan akibat jerebu tebal.

Jerebu teruk juga menyebabkan keseluruhan 19 penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), Bayan Lepas terpaksa dibatalkan setakat petang semalam dan Pusat Operasi Kecemasan dibuka di lokasi berkenaan.

Penerbangan dijadualkan berlepas dan mendarat dari Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS) di Ipoh, bermula jam 9.45 pagi semalam juga dibatalkan berikutan jarak penglihatan terhad, namun operasi LTSAS tidak ditutup.

Jerebu juga menyebabkan beberapa acara besar seperti Istiadat Perbarisan sempena Hari Pahlawan 2019 yang dijadual hari ini di Dataran Pahlawan Negara di Putrajaya ditangguh.



Pemandangan udara di sekitar Kuala Lumpur berjerebu yang mencatatkan bacaan IPU 188. (Foto Intan Nur Elliana Zakaria /BH)



Keadaan jerebu di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang Bayan Lepas pada jam 1 petang semalam dengan bacaan IPU sangat tidak sihat.



Sukarelawan, Arif Ibrahim mengedarkan penutup hidung dan mulut kepada orang ramai di Bayan Lepas, semalam. (Foto Rosli Ahmad/BH)

Pihak sekolah seharusnya maklumkan sekolah tutup lebih awal supaya ibu bapa boleh atur jadual harian, termasuk mohon cuti kepada majikan andai kedua-dua ibu bapa bekerja dan anak ke sekolah dengan bas atau van.

Zakaria Jaafar,
Pekerja swasta

Situasi ini memang menyukarkan ibu bapa kerana jerebu melanda kebanyakan kawasan di negara kita. Agak sukar jika semua ibu bapa yang bekerja terpaksa ambil cuti secara serentak untuk jaga anak yang tidak ke sekolah.

Aini Mohd Nor,
Suri rumah